

Visa perlindungan

Briefing deck



Ubah perbualan mengenai **Protection visas**



Australian Government

Pengenalan

Protection visa (subkelas 866) adalah untuk pencari suaka benar yang menghadapi risiko sebenar ancaman ketara atau penindasan di negara asal mereka.

Kerajaan Australia telah melancarkan kempen untuk mendidik orang ramai tentang Protection visas dan akibat daripada mengeksploitasi program tersebut.

Terdapat semakin banyak maklumat salah mengenai Protection visas yang tersebar luas di seluruh komuniti, termasuk dalam kalangan orang Asia Tenggara yang tinggal di Australia dan seberang laut.

Maklumat salah boleh mendatangkan akibat yang serius terhadap pemohon Protection visa dan juga keluarga mereka.

Kempen ini bertujuan menyediakan maklumat dan alat yang diperlukan untuk mencegah penyebaran maklumat salah dan memastikan komuniti mendapat nasihat yang mereka perlukan.

Untuk mengatasi maklumat salah, Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri sedang menyediakan akses kepada nasihat undang-undang percuma daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen untuk sesiapa yang berfikir tentang memohon Protection visa

Nasihat tersebut dapat membantu orang ramai mengetahui sama ada mereka layak mendapat Protection visa dan mengurangkan risiko menggunakan agen migrasi tidak berdaftar yang mungkin memberi nasihat yang tidak betul.

Ubah perbualan mengenai **Protection visas**



Maklumat salah tentang Protection visas

Protection visas adalah untuk pencari suaka yang benar (atau ahli keluarga mereka) dimana mereka menghadapi risiko sebenar ancaman ketara jika mereka pulang ke negara asal atau orang yang mempunyai ketakutan yang berasas terhadap penindasan atas sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, keahlian kumpulan sosial tertentu atau pendapat politik.

Protection visas bukan untuk mereka yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja.

Penasihat migrasi yang tidak berdaftar mempromosikan perkhidmatan mereka di media sosial dan dalam kumpulan sembang dalam talian, memberitahu orang ramai menggunakan Protection visas sebagai cara untuk bekerja atau melanjutkan tempoh tinggal mereka di Australia.

Penasihat-penasihat ini mungkin memberitahu pemohon memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan apabila memohon Protection visa. Ada sebahagian mengenakan bayaran beribu-ribu dolar untuk nasihat yang tidak benar.

Di Australia, adalah satu kesalahan undang-undang jika seseorang mengenakan bayaran untuk nasihat migrasi melainkan mereka adalah agen migrasi berdaftar atau pengamal undang-undang Australia.

Sesetengah majikan mungkin menawarkan peluang pekerjaan di Australia dengan memberitahu pemegang visa sementara untuk memohon Protection visa dengan menggunakan maklumat yang palsu atau mengelirukan.

Pelajar-pelajar juga diberitahu bahawa mereka boleh tinggal lebih lama di Australia dan bekerja, dengan menggunakan maklumat yang palsu atau mengelirukan untuk memohon Protection visa.

Risiko maklumat yang salah

Terdapat perubahan besar telah dibuat terhadap sistem Protection visa untuk mempercepatkan masa pemprosesan, Ini bermakna orang yang memohon Protection visa hanya untuk bekerja atau melanjutkan tempoh tinggal mereka di Australia akan ditolak dengan segera.

Kebanyakan permohonan baru Protection visa, kini diputuskan hampir 8 kali lebih cepat berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini. Orang yang mengemukakan permohonan Protection visa dengan maklumat palsu atau mengelirukan akan berdepan dengan akibat serius, termasuk denda yang besar dan kemungkinan masa penjara.

Permohonan Protection visa yang ditolak akan kekal dalam rekod imigresen seseorang. Ini bermakna ia mungkin menyulitkan pemohon dan keluarga mereka untuk kembali ke Australia walaupun dengan visa pelawat, pelajar atau kerja sementara.

Ia boleh menjejaskan permohonan visa ke negara lain di seluruh dunia, bergantung pada jenis visa yang anda mohon.

Pemohon yang ditolak Protection visa tidak boleh memohon kebanyakan visa lain dan perlu meninggalkan Australia. Jika mereka tidak mempunyai visa yang sah, mereka mungkin ditahan dan diusir oleh Australia Border Force. (Angkatan Sempadan Australia). Pemohon mungkin perlu membayar balik kos penghantaran pulang, ini mungkin melibatkan beribu-ribu dolar.

Tahun ini, Kerajaan Australia memulakan operasi baru untuk fokus kepada penahanan pemohon yang ditolak Protection visa yang mana visa sementara mereka telah tamat tempoh dan mengusir mereka dari Australia. Operasi ini sedang dijalankan.

Ubah perbualan mengenai **Protection visas**



Bagaimana anda boleh membantu

Nyata sekali terdapat lebih banyak permohonan Protection visa yang tidak berjaya berbanding dengan permohonan visa yang berjaya, dan pemohon dari Vietnam, pada masa ini, adalah salah satu yang mempunyai kadar penolakan yang paling tinggi.

Permohonan Protection visa daripada warganegara beberapa negara di Asia Tenggara mencatat kadar penolakan yang paling tinggi. Kebanyakan negara ini, lebih daripada 95% permohonan yang dimuktamadkan pada 2023-24 tidak memenuhi keperluan dan telah ditolak.

Komuniti dan organisasi di Australia memainkan peranan penting untuk mencegah penyebaran maklumat salah kepada mereka yang sedang berfikir memohon Protection visa.

Ini termasuk memupuk kesedaran tentang risiko mengemukakan maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam permohonan visa, serta melibatkan penasihat migrasi yang tidak berdaftar.

Memberitahu bakal pemohon bahawa Protection visa adalah untuk pencari suaka yang benar – ia bukan untuk orang yang hanya ingin tinggal lebih lama di Australia untuk bekerja.

Jika seseorang yang memohon Protection visa meminta anda menulis surat sokongan untuk mereka, anda hanya perlu melakukan ini jika anda percaya mereka adalah pencari suaka benar – Ini bermakna mereka menghadapi risiko ancaman ketara atau mereka benar-benar takut penganiayaan jika mereka pulang.

Galakkanlah mereka mengakses nasihat guaman percuma ([free legal advice](#)) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah mereka

Bagaimana anda boleh membantu

Ramai orang yang berfikir tentang memohon Protection visa sebenarnya tidak perasan atau tidak memahami bahawa terdapat akibatnya jika mereka pergi ke negara di mana mereka menuntut perlindungan Australia.

Pastikan bakal pemohon Protection visa memahami bahawa:

- Jika mereka telah mengajukan permohonan Protection visa, mereka mungkin tidak boleh pergi ke negara di mana mereka menuntut perlindungan Australia walaupun keluarga mereka menetap di sana.
- Sekiranya mereka telah diberi Protection visa, mereka tidak boleh pergi ke negara di mana mereka menuntut suaka tanpa kebenaran daripada Kerajaan Australia, walaupun keluarga mereka tinggal di sana.

Galakkanlah sesiapa yang sedang berfikir memohon Protection visa untuk mengakses nasihat guaman percuma ([free legal advice](#)) daripada pakar hal ehwal orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah mereka.

Nasihat tersebut dapat membantu bakal pemohon mengetahui sama ada mereka layak untuk Protection visa, menerangkan proses permohonan dan membantu mereka memahami akibat negatif jika permohonan Protection visa mereka ditolak..

Bagaimana Kerajaan Australia dapat membantu komuniti anda

Kami menggalakkan anda berkongsi mesej berikut dengan sesiapa yang sedang berfikir memohon Protection visa:

1. Kunjungi laman web rasmi Kerajaan Australia ([Australian Government websites](#)) untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.
 2. Akses nasihat undang-undang percuma ([free legal advice](#)) daripada pakar orang pelarian dan pengamal guaman imigresen di negeri atau wilayah anda.
 3. Dapatkan agen migrasi berdaftar untuk memastikan nasihat migrasi anda adalah sah dengan mengunjungi [Pejabat Pihak Berkuasa Pendaftaran Agen Migrasi](#).
 4. Lindungi diri anda dan komuniti anda. Laporkan penasihat migrasi tidak berdaftar, secara tanpa memberi nama anda, kepada [Pengawasan Sempadan Australia \(Australia's Border Watch\)](#).
 5. Ketahui sama ada terdapat [pilihan visa lain](#) yang sesuai untuk anda.
- Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri telah menghasilkan poster, lembaran fakta, jubin media sosial dan bahan lain yang boleh anda gunakan untuk membantu memaklumkan komuniti anda tentang Protection visa

[Anda boleh mengaksesnya di sini.](#)

Nasihat tentang cara membalas komen negatif media sosial



Di platform dan kumpulan media sosial, terdapat banyak maklumat salah tentang Protection visas disebar kepada orang yang tinggal di Australia dan seberang laut.

Jika anda melihat terdapat maklumat salah tentang Protection visas dikongsi dalam forum atau kumpulan dalam talian, anda mempunyai kesempatan penting untuk mengenal pasti ia adalah maklumat salah dan anda harus menggalakkan mengongsi maklumat yang betul dalam dokumen ini, termasuk pautan rasmi - homeaffairs.gov.au/protection

Lindungi diri anda dan komuniti anda. dengan memupuk kesedaran mengenai risiko yang wujud jika seseorang mengajukan maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam permohonan Protection visas ataupun menggunakan pensihat migrasi yang tidak berdaftar.

Yang amat penting sekali, galakkan bakal pemohon mengakses [nasihat guaman percuma \(free legal advice\)](#) sebagai langkah pertama.

Terima **Kasih**

kerana menyertai



Ubah perbualan mengenai **Protection visas**



Australian Government